

Kerajaan MADANI sedia terima cadangan, perbaiki kelemahan

BERITA HARIAN 28 JUL 2025

m/s: 3

Sebarang dasar diperkenalkan terbuka kepada ubah suai, penambahbaikan

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pentadbiran Kerajaan MADANI bersedia menerima cadangan dan memperbaiki sebarang kelemahan jika ada, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata sebarang dasar yang diperkenalkan adalah tidak sempurna dan terbuka kepada penambahbaikan dan bersedia mendengar sebarang pandangan.

“Kalau ada kelemahan, kita boleh perbaiki. Saya tidak kata yang kita lakukan ia *perfect* (sempurna) tapi kita sentiasa dengar dan ubah suai apa yang perlu,” katanya selepas menyampaikan amanat pada program Seminar Pemantapan Organisasi dan Jelajah Presiden peringkat Wilayah Persekutuan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Perdana Menteri mengulas perhimpunan pembangkang ditunjangi PAS di ibu kota kelmarin.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau menunggu sebarang cadangan penambahbaikan daripada pembangkang berikutan himpunan itu, namun apa yang ada hanya desakan untuk beliau mengosongkan jawatan.

“(Bagaimanapun) saya dah ucap terima kasih, semua selesai dengan aman. Saya tengok isu-isu yang dibangkit, ada tak cadangan ekonomi, cadangan pendidikan, cadangan perpaduan, cadangan kestabilan negara, tak ada.

“Yang ada cuma (laungan) turun Anwar. Jadi tadi saya dah ‘turun’ ke Muar. Hari ini saya turun ke Wilayah (Persekutuan), minggu depan saya turun ke Ke-

lantan,” katanya.

Kerajaan perlu beri penjelasan

Anwar berkata, dakwaan pelbagai pihak termasuk pemimpin pembangkang dalam himpunan di ibu negara kelmarin hanya mengatakan mengenai kenaikan harga minyak dan barangan keperluan asas seperti garam, yang tidak berlandaskan fakta.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara yang bebas dan demokratik, kerajaan perlu memberikan penjelasan susulan dakwaan dinyatakan pembangkang.

Beliau berkata, rakyat diminta menilai usaha dan dasar kerajaan berdasarkan fakta dan mengelakkan daripada dipengaruhi sentimen politik.

Katanya, kerajaan pada masa ini sudah melakukan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat, namun masih ada pihak yang terus menyebarkan perkara tidak benar.

“Maknanya, ini hanya sentimen politik, kebencian ... tidak ikut fakta. Jadi, kita cadang supaya rakyat menilai mengikut fakta, kalau ada kelemahan kita boleh perbaiki,” katanya.

Mengenai motif perhimpunan yang mahu menurunkannya, Anwar berkata: “Ada cadangan Datuk Seri Hamzah Zainudin nak bawa undi tidak percaya. “Silakan, kita terbuka. Ini proses yang betul, dia (mahu) bawa, sila bawa. Dia kata nak bawa dah tiga tahun,” katanya.